

15/12/1998

Isu Kemboja uji kebijaksanaan Asean

HARI ini ketua kerajaan Asean akan membuat keputusan penting sama ada untuk menerima Kemboja sebagai anggota ke-10 dalam pertubuhan serantau itu atau sebaliknya. Kemboja, Laos dan Myanmar memohon menjadi anggota pada 1996, tetapi hanya Laos dan Myanmar saja diterima Julai tahun lalu. Kemasukan Kemboja ditunda berikutan pergolakan politik di negara itu apabila Hun Sen menyingkirkan Perdana Menteri Pertama ketika itu, Putera Norodom Ranariddh dalam satu perebutan kuasa.

Perbincangan peringkat menteri di Hanoi, Jumaat lalu berhubung penerimaan Kemboja itu masih sukar diperakukan berikutan tiada kata sepakat. Sebenarnya, penyertaan Kemboja ke dalam Asean secara prinsip sudah diterima. Namun, pengesahan sebagai ahli gabungan negara Asia Tenggara itu hanya akan diputuskan selepas negara berkenaan menubuhkan kerajaannya. Bagi Malaysia, kemasukan Kemboja melengkapkan Asean 10 akan hanya diputuskan sekiranya negara itu berjaya menubuhkan sebuah kerajaan yang dapat diterima masyarakat antarabangsa. Bulan lalu, Ranariddh dan Hun Sen bersetuju menubuhkan kerajaan campuran. Malangnya, walaupun semua syarat menyertai Asean sudah dipenuhi, Phnom Penh nampaknya masih gagal meyakinkan beberapa anggota Asean lain. Bagi Malaysia, kita tidak nampak apakah sebab kukuh isu Kemboja dalam Asean ini perlu diheret lebih jauh. Walaupun beberapa negara Asean memberi alasan kerajaan Kemboja yang baru dibentuk itu belum boleh diyakini, kita percaya pemerintahan Kemboja akan lebih utuh jika Asia Tenggara sendiri mempunyai keyakinan tinggi dengan situasi politik negara itu akan pulih. Lagipun, pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi di Kuala Lumpur akhir tahun lalu, semua pemimpin Asean yang ketika itu menerima kemasukan Laos dan Myanmar, berjanji Kemboja akan diterima sebagai anggota ke-10 Asean selewat-lewatnya pada sidang kemuncak kali ini.

Kini Kemboja sudah menunaikan janji serta membuktikan komitmen dengan menubuhkan kerajaan yang diterima rakyatnya. Jadi, tiada sebab mengapa kemasukan negara itu ke dalam gagasan rantau ini perlu ditunda. Jika rakyat dan pemimpin Kemboja sendiri akur menerima kerajaan campuran adalah alternatif terbaik menyelesaikan masalah, Asean juga harus menerimanya. Lagipun, Kemboja sudah diterima semula sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini bermakna masyarakat antarabangsa mengiktiraf kerajaan Kemboja. Jika PBB boleh menyerahkan semula kerusi negara itu di pertubuhan dunia, Asean sebagai sebuah persatuan lebih kecil tidak ada alasan menolak kehadiran Kemboja.

Kita mahu isu kemasukan Kemboja ini \dibereskan di Hanoi kali ini agar Asean yang menghadapi kemelut ekonomi dan kewangan dapat memberi tumpuan utama kepada usaha pemulihan. Apa yang menarik, Malaysia diletakkan harapan tinggi oleh ahli keluarga Asean lain agar dapat meleraikan kekusutan ini. Kalangan pemimpin Asean yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai penyokong kuat kepada negara tuan rumah, Vietnam, untuk melihat Kemboja diterima, dapat `memujuk' pemimpin Singapura, Filipina dan Thailand. Kita tidak mahu pemimpin Kemboja yang sudah dua kali mengugut menarik permohonan Phnom Penh menganggotai Asean bertindak lebih jauh sehingga Asean 10 yang sudah dicanangkan menemui kegagalan. Ini tentunya akan menjejaskan imej Asean. Lebih membimbangkan Kemboja akan tindak balas terhadap Asean. Justeru, tiada jaminan Phnom Penh tidak akan memasuki perikatan pertahanan dengan China, apabila merasakan ia tidak selamat tinggal bersendirian apatah lagi selepas

dipinggirkan Asean.

Deklarasi Hanoi 1998 dan Pelan Tindakan Hanoi (HPA) dijangka akan diperakukan esok. Deklarasi itu akan mengandungi pelbagai usaha Asean untuk mengukuhkan kesatuan dan kerjasamanya terutama dalam usaha mempercepatkan pemulihan ekonomi, penyegeraan mengatasi masalah yang dicetuskan oleh krisis ekonomi dan kewangan, mempromosi kestabilan, keamanan dan pembangunan di rantau ini. Draf HPA yang menetapkan program kerjasama dalam 10 agenda penting pula turut menyentuh mengenai program mengukuhkan keamanan dan kestabilan rantau ini. Ia juga menyenaraikan usaha menyegerakan pemulihan ekonomi, mengukuhkan integrasi ekonomi antara Asean, pembangunan sumber manusia, pembangunan serantau yang antara lain meliputi pembangunan di Lembangan Mekong. Tentulah tidak manis semua ini dapat dilaksanakan tetapi Kemboja yang bersempadan dengan beberapa anggota Asean lain melihat saja perkembangan baik ini.

(END)